

02 MAR 1997

Mahathir-Aduan

SAYA AKAN MINTA KSU JELAS ADUAN, KATA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan meminta Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali menghuraikan dengan terperinci aduan-aduan terhadap kakitangan perkhidmatan awam.

"Saya rasa dia lebih mengetahui mengenai perkara itu dan dengan itu saya perlu mendapatkan maklumat daripadanya," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Terdahulu itu, Dr Mahathir melepaskan peserta lumba basikal Le Tour de Langkawi peringkat akhir dan menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan Asean Kart Prix, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan hari ini yang memetik Abdul Halim sebagai berkata bahawa beliau tidak berpuas hati dengan tahap perkhidmatan awam memandangkan banyak aduan terhadap kakitangan yang diterima.

Dr Mahathir berkata sekiranya aduan-aduan itu berasas, maka sesuatu tindakan perlu diambil untuk membetulkan keadaan.

Katanya, antara aspek yang mungkin perlu diperbaiki dalam perkhidmatan awam ialah kecekapan dan perkhidmatan.

Ketika ditanya sama ada beliau berpendapat piagam pelanggan yang diperkenalkan di jabatan-jabatan kerajaan tidak mencapai matlamatnya, Perdana Menteri berkata sedikit sebanyak piagam itu telah meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Bagaimanapun, saya rasa mungkin itu belum mencukupi," katanya.

Terdahulu itu dalam ucapannya sebelum menyampaikan hadiah kepada para pemenang Asean Kart Prix, Dr Mahathir berkata perlumbaan go-kart adalah antara jenis sukan yang perlu disertai remaja.

"Kita selalu tidak dapat bersaing dengan orang lain, khususnya atlet Eropah dan Afrika dalam acara sukan yang menggunakan tenaga dan kekuatan fizikal tetapi go-kart memberi peluang yang sama rata kepada semua peserta.

"Apa yang diperlukan ialah kecekapan dan keupayaan mengendalikan kenderaan untuk berjaya," katanya.

Beliau percaya penyertaan remaja dalam perlumbaan itu akan menyediakan rakyat Malaysia untuk bersaing dalam perlumbaan kereta "Formula Three" dan "Formula One" nanti. -- BERNAMA

MFJ AKD